



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## IKLAN JAWATAN BENDAHARI

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN** merupakan sebuah Universiti Awam di Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

### A. BUTIRAN JAWATAN

1. Jawatan : Bendahari
2. Gred Jawatan : W54 (Terbuka)
3. Taraf jawatan : Peminjaman/ Kontrak/ Pertukaran Sementara
4. Jadual Gaji (Min – Mak) : RM 6,122.00 hingga RM 13,180.00

### B. KELAYAKAN ASAS

- (a) (i) Memiliki Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Perdagangan atau Pengajian Perniagaan, atau Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - (ii) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
  - (iii) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
  - (iv) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.
- (b) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
  - (c) Mempunyai pengalaman luas dalam bidang pengurusan dan pentadbiran khususnya Skim Perkhidmatan Pegawai Kewangan sekurang-kurangnya 15 tahun.

### **C. SKOP TUGAS**

- (a) Sebagai pegawai utama pentadbiran, bertanggungjawab kepada Naib Canselor dan Pihak Berkuasa Universiti mengenai semua aspek pengurusan kewangan di peringkat Universiti.
- (b) Bertindak sebagai Ahli Jawatankuasa Tetap Kewangan dan Setiausaha kepada Jawatankuasa Tender serta Pengerusi untuk Jawatankuasa lain yang berkaitan dengan urusan kewangan.
- (c) Merangka dasar-dasar Universiti mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam bidang tugas Bendahari untuk kelulusan Senat, Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) serta menjalankan tugas-tugas lain sebagaimana yang diarahkan oleh Naib Canselor.

### **D. KRITERIA CALON**

- (a) Memiliki pemikiran yang strategik dalam mengenal pasti, menjangka dan menganalisis isu dan masalah yang berkaitan dengan kewangan serta boleh mengatur strategi penyelesaian yang berkesan.
- (b) Memiliki kepakaran dalam pengurusan hal ehwal kewangan iaitu mengeluarkan arahan dan memberi nasihat dengan tepat dan signifikan mengenai apa-apa perkara yang berkaitan hal ehwal kewangan.
- (c) Cekap dalam memastikan segala dokumen kewangan dan apa-apa dokumen yang melibatkan peruntukan Unviersiti disemak dengan tepat sebelum ditandatangani oleh pihak Universiti.
- (d) Menjadi perantara yang bijaksana bagi pihak Universiti dalam kes-kes kewangan atau kes-kes lain yang di bawah bidang kuasa Bendahari.
- (e) Berupaya untuk menjana kewangan dan meneroka peluang pelaburan berpotensi keuntungan kepada Universiti.
- (f) Memiliki dan mempraktikkan nilai dan etika yang tinggi dalam setiap tindakan serta menggalakkan prinsip ketelusan, keadilan, integriti dan profesionalisme dalam pengurusan organisasi secara keseluruhan.
- (g) Memiliki prinsip-prinsip kepimpinan yang baik termasuk bersikap anti rasuah, berdisiplin tinggi dan sentiasa mempamerkan komitmen kerja yang tinggi.

## E. CARA MEMOHON

Calon yang berminat untuk mengisi jawatan ini perlu mengemukakan permohonan rasmi beserta dokumen seperti di bawah :

- a) '*Curriculum Vitae*' (CV) yang lengkap dan terkini beserta gambar berukuran pasport. CV hendaklah mengandungi maklumat-maklumat berikut :
    - i. Latar belakang diri termasuk e-mel, alamat surat menyurat dan nombor telefon untuk dihubungi.
    - ii. Latar belakang pendidikan dan pengalaman kerjaya termasuk jawatan pentadbiran yang telah dan sedang disandang. Semua salinan sijil akademik dan dokumen yang berkaitan perlulah dikemukakan bersama permohonan ini.
    - iii. Dua (2) nama penyokong sebagai rujukan (referee).
  - b) *Key Performance Indicator* (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Bendahari di UMK berikut :
    - i. Misi dan Visi sebagai Bendahari Universiti Malaysia Kelantan.
    - ii. Cadangan/ *Key Performance Indicator* (KPI) sekiranya dilantik sebagai Bendahari Universiti Malaysia Kelantan.
    - iii. Pencapaian semasa yang signifikan dan memberi impak kepada organisasi dan masyarakat (*sekiranya calon adalah penyandang semasa, sila kemukakan pencapaian KPI sepanjang tempoh pelantikan*)
- Calon yang berminat perlu mengemukakan borang permohonan bersama dokumen-dokumen (secara *hardcopy* dan *softcopy*) seperti berikut:

**Dokumen *hardcopy* : PENDAFTAR  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
16300 BACHOK  
KELANTAN DARUL NAIM  
(No. Telefon : 09-7797663)**

**Dokumen *softcopy* : eruwan.ah@umk.edu.my**

- Tarikh tutup permohonan : **15 Mac 2024**
- Calon-calon yang berkelayakan dan memenuhi kriteria sahaja akan disaring untuk disenarai pendek/ dipanggil temu duga.